

PM sangkal dakwaan

KUALA LUMPUR: Kerajaan menggalakkan penubuhan kesatuan sekerja dalaman bertujuan mencegah pemimpin politik tertentu menguasai kesatuan atau kongres kesatuan sekerja kebangsaan menyalahgunakan kuasa mereka serta membelakangkan kepentingan pekerja.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tuduhan bahawa kerajaan berniat melemahkan kuasa kesatuan sekerja kebangsaan melalui galakan menubuhkan kesatuan dalaman, adalah tidak benar.

"Jika pemimpin kesatuan sekerja di negara maju seperti Britain boleh menghancurkan ekonomi ne-

garitu, apakah nasib yang sama atau lebih buruk lagi tidak akan menimpa kita akibat pemimpin kesatuan sekerja nasional kita yang terlalu berkuasa?

"Hari ini kita lihat betapa mereka ini lebih mementingkan kedudukan mereka dan parti mereka daripada kepentingan pekerja," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Kesatuan Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia Semenanjung Malaysia (Maseu), di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, pemimpin yang berkepentingan itu sanggup mendedahkan pekerja kilang elektronik kepada penganggu-

ran dengan meminta negara asing menjadikan barangan negara ini tidak mempunyai daya saing, semata-mata bencikan kerajaan.

"Memang diakui bahawa kesatuan dalaman tidak kuat seperti kesatuan sekerja untuk mengugut majikan, tetapi dengan memberi peluang kepada pekerja syarikat sendiri berunding, mereka bukan sahaja akan lebih arif dengan kedudukan kewangan syarikat, tetapi juga lebih bertanggungjawab.

"Jika pekerja membantu syarikat sendiri supaya maju, mereka boleh berharap kepada imbuhan yang lebih, walaupun prestasi industri umumnya tidak begitu baik," katanya.